

Jalan semakin terhakis, runtuh

Pemimpin digesa turun padang pantau masalah

NUR FARHANA ABDUL MANAN

SEPANG – Rompong dan semakin terhakis! Keadaan itu menimbulkan kebimbangan kepada ribuan penduduk Desaria dan Taman Kipark di sini apabila satu-satunya jalan keluar masuk yang mereka mengalami

mereka mengalami hakisan serius dan runtuh.

Difahamkan, keadaan itu bukan isu baru kerana jalan terbabit pernah dilaporkan terhakis selepas jalan utama di Pulau Meranti runtuh dan terpaksa ditutup kepada orang awam, Oktober lalu.



NORIZAN

Bagaimanapun dakwa penduduk, keadaan jalan itu semakin kritikal sehingga satu laluan terpaksa ditutup kerana lubang besar terbentuk di bawah permukaannya.

Apa dikesalkan penduduk, tindakan diambil oleh pihak berkenaan seolah-olah 'bagaikan melepaskan batu di tangga' kerana meninggalkan kerja tanpa pantauan susulan selepas itu.

Dakwa penduduk, kerja-kerja pemasangan ikatan batu bagi mengelak hakisan lebih teruk bagai tiada erti kerana batu-batu berkenaan dihanyutkan air sungai deras ketika banjir melanda kawasan itu.

Ahli jawatankuasa Persatuan Penduduk Taman Kipark, Azila Abdullah berkata, perkara itu berlanjutan sejak setahun lalu.

Katanya, pihaknya membuat beberapa aduan kepada Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang) dan terbaru tiga minggu lalu sebelum keadaan jalan yang menjadi jambatan menjadi lebih serius seperti yang berla-

ku Jumaat lalu.

Mahu satu jalan ditutup

Dakwa Azila, pihaknya meminta pihak berkuasa tempatan (PBT) itu menutup satu jalan menghala ke Taman Kipark kerana mendapati ia berbahaya dan berisiko digunakan oleh penduduk dan pengguna jalan raya lain.

Jelasnya, ia berikutan apabila hujan lebat terutama apabila paras air melebihi paras pinggang, pengguna mungkin akan berdepan masalah kerana tidak tahu sama ada jalan itu selamat atau terbentuk hakisan lebih besar di bawahnya.

Memberi contoh kejadian banjir Jumaat lalu, Azila berkata, penduduk tidak dapat pulang ke rumah lebih sejam setengah apabila air naik di permukaan jalan.

"Kami minta Kerajaan Negeri turun padang pantau kebimbangan kami ini, maklumkan sama ada jalan yang runtuh ini

selamat digunakan atau tidak," katanya.

Kata Azila lagi, penduduk kecewa menerima alasan ketiadaan bajet daripada pihak itu untuk membaiki pulih kerosakan jalan itu.

Ia jelasnya berikutan jawatankuasa persatuan habis ikhtiar bagi menyelesaikan risiko keselamatan berhubung perkara itu.

"Saya minta pihak polis tutup jalan yang terhakis, pihak itu dakwa bukan di bawah bidang kuasa mereka, jadi ke mana harus kami ajukan rasa bimbang dan ketakutan ini untuk diselesaikan," katanya.

Seorang lagi penduduk, Norizan Abd Hamid, 48, berkata, selepas keadaan jalan itu dilaporkan akhbar Oktober lalu, pihak berwajib memasang ikatan batu untuk menambak bahagian tepi jalan yang juga adalah jambatan di atas Sungai Rasau namun ia didakwa tidak bertahan lama apabila dihanyutkan aliran air sungai deras.

Dia bimbang penduduk terputus hubungan apabila jalan itu runtuh kerana di kedua-dua hala laluan ada retakan.

"Yang kami bimbang sangat jalan ini runtuh kerana hakisan itu menjadi semakin serius menyebabkan bawah permukaan jalan kosong tanpa tanah," katanya.

Kata Norizan, tindakan segera perlu diambil pihak terbabit dan tidak menunggu sehingga berlaku tragedi baru semua pihak hendak bertumpu di lokasi itu.

Dia turut menggesa pihak berwajib menyediakan jalan alternatif segera supaya penduduk mempunyai laluan lain sekiranya laluan utama itu tidak selamat digunakan.



Jalan yang semakin terhakis menimbulkan kebimbangan kepada penduduk.



Keadaan jalan yang tidak dibersihkan selepas banjir besar berlaku di Jalan Desaria.

INFO solat	
KUALA LUMPUR, PUTRAJAYA	
SUBUH	5:54
SYURUK	7:16
ZUHUR	1:16
ASAR	4:38
MAGHRIB	7:12
ISYAK	8:27
SABAK BERNAM, KUALA SELANGOR, KLANG, KUALA LANGAT	
SUBUH	5:56
SYURUK	7:19
ZUHUR	1:18
ASAR	4:40
MAGHRIB	7:14
ISYAK	8:29
GOMBAK - HULU SELANGOR, RAWANG, HULU LANGAT, SEPANG, PETALING, SHAH ALAM	
SUBUH	5:54
SYURUK	7:16
ZUHUR	1:16
ASAR	4:38
MAGHRIB	7:12
ISYAK	8:27